



Pemeriksaan akan datang oleh Ketua Ombudsman

Pengenalan

Ketua Ombudsman bertanggungjawab untuk memeriksa layanan terhadap orang yang berada di tempat penahanan kesihatan dan ketakupayaan — di mana penghuni tidak bebas untuk meninggalkan tempat tersebut sesuka hati mereka. Ini termasuklah fasiliti pengasingan dan kuarantin terurus COVID-19.

Ketua Ombudsman memberi kuasa kepada Pegawai Pemeriksa untuk memasuki fasiliti tersebut bagi pihaknya bagi mengumpulkan maklumat tentang cara fasiliti tersebut menghormati dan melindungi hak asasi manusia sepanjang tempoh mereka berada di tempat itu.

Apakah yang akan berlaku semasa pemeriksaan

Mengikut jangkaan, pemeriksaan akan mengambil masa sehingga dua jam, dan sepasukan kecil pegawai pemeriksa yang mewakili Ketua Ombudsman akan berusaha untuk meminimumkan sebarang gangguan.

Pegawai pemeriksa akan meronda kawasan fasiliti untuk memerhati cara fasiliti itu beroperasi. Mereka mungkin akan mengetuk sesetengah pintu bilik penghuni untuk melihat kemudahan yang disediakan dan meneliti keadaan sebenar di dalam fasiliti itu.

Pegawai pemeriksa akan mematuhi semua keperluan kesihatan dan keselamatan fasiliti, termasuklah pemakaian Kelengkapan Perlindungan Diri (PPE).

Cara menyalurkan maklumat kepada pasukan pemeriksaan

Mendengar maklum balas orang yang ditahan di fasiliti pengasingan atau kuarantin terurus tentang keadaan dan layanan yang mereka perolehi merupakan bahagian yang penting dalam pemeriksaan Ketua Ombudsman.

Sejurus selepas pemeriksaan, satu mesej dan/atau e-mel jemputan akan dihantar kepada orang yang ditahan di fasiliti itu pada masa pemeriksaan. Jemputan itu mempelawa mereka untuk menyertai tinjauan dalam talian tentang pengalaman mereka. Jika sesiapa yang tinggal di fasiliti itu pada masa pemeriksaan dijalankan tidak menerima jemputan dan ingin mengambil bahagian dalam tinjauan tersebut, mereka boleh meminta pautan tinjauan dengan menghantar e-mel ke MIQ@ombudsman.parliament.nz. Sila gunakan tajuk 'Tinjauan MIQ' di ruang perkara.

Pegawai pemeriksa juga akan mengadakan beberapa temu bual dengan orang yang tinggal di fasiliti itu pada masa pemeriksaan, melalui telefon atau Zoom beberapa hari kemudian. Jika anda ingin ditemu bual, sila hantar e-mel ke MIQ@ombudsman.parliament.nz atau hubungi

0800 802 602. Sila gunakan tajuk 'Temu bual MIQ' di ruang perkara. Pegawai pemeriksa akan berusaha untuk memudahkan temu bual dengan semua orang yang menghubungi mereka.

Sebarang maklumat yang diberikan kepada kami sebagai sebahagian daripada pemeriksaan akan dikendalikan secara sulit dan disimpan dengan selamat. Orang perseorangan tidak akan dikenal pasti dalam mana-mana laporan atau hasil pemeriksaan Ketua Ombudsman.

Maklumat yang dikumpulkan daripada pemeriksaan ini akan digunakan untuk memaklumkan sebarang cadangan yang akan dibuat oleh Ketua Ombudsman untuk memperbaiki keadaan dan layanan di fasiliti tersebut. Beliau akan menyediakan laporan tentang pemeriksaannya terhadap fasiliti tersebut dan laporan itu mungkin akan diterbitkan.

Aduan

Ombudsman memeriksa fasiliti pengasingan dan kuarantin terurus untuk mencegah pelanggaran hak asasi manusia daripada berlaku. Peranannya untuk pemeriksaan ini tidak termasuk menerima aduan.

Jika anda ada sebarang aduan tentang fasiliti pengasingan atau kuarantin terurus, sila hubungi Pengurus Fasiliti atau Penyelaras Kesejahteraan. Anda juga boleh menghubungi Pasukan Penyelesaian fasiliti pengasingan dan kuarantin terurus dengan mengisi borang aduan dalam talian atau menelefon 0800 476 647 (panggilan adalah percuma). Maklumat lanjut tentang prosedur membuat aduan, dan borang aduan boleh didapati di <https://www.miq.govt.nz/about/contact-us/complaints-procedure/>.

Jika anda telah pun membuat aduan melalui saluran tersebut dan percaya bahawa anda tidak dilayan dengan adil oleh agensi kerajaan (seperti Kementerian Perniagaan, Inovasi & Pekerjaan atau Kementerian Kesihatan), Ketua Ombudsman mungkin dapat membantu anda.

Ketua Ombudsman juga boleh membantu jika anda telah memohon pengecualian daripada pengasingan terurus, dan anda berpendapat ada sesuatu yang tidak kena dengan pemprosesan permohonan anda. Maklumat lanjut tentang fungsi aduan Ketua Ombudsman boleh didapati di <https://www.ombudsman.parliament.nz/what-we-can-help/complaints-about-government-agencies/how-make-complaint>

Maklumat lanjut

Maklumat lanjut tentang program pemeriksaan Ketua Ombudsman boleh didapati di laman web beliau (<https://www.ombudsman.parliament.nz/what-we-can-help/monitoring-covid-19-managed-isolation-and-quarantine-facilities>).

Jika anda ada sebarang pertanyaan tentang perkembangan program pemeriksaan fasiliti pengasingan dan kuarantin terurus Ketua Ombudsman, sila hantar e-mel kepada kami (MIQ@ombudsman.parliament.nz). Anda juga boleh mengikuti kami di Facebook (@ombudsmannz).